



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

19 SEPTEMBER 2018

MASYARAKAT TIDAK MEMANDANG SERIUS TERHADAP KESAN TIDAK MENUKAR BEG UDARA TAKATA

Kementerian Pengangkutan Malaysia amat serius dalam menangani isu beg udara Takata yang telah mengorbankan nyawa beberapa penggunanya sejak kebelakangan ini. Sehubungan itu, Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menghantar surat peringatan kepada semua pemilik kenderaan yang terlibat dalam *recall* penukaran beg udara Takata ini.

Dari 26 Jun 2018 sehingga 4 September 2018, JPJ telah menghantar sebanyak **408,551 pucuk surat peringatan** kepada semua pemilik kenderaan yang terlibat. Sepanjang tempoh surat peringatan tersebut dikeluarkan sehingga ke hari ini (26 Jun 2018 sehingga 19 September 2018) sebanyak **70,853 bilangan kenderaan** telah dihantar ke bengkel syarikat pengeluar dan selesai urusan penukaran beg udara.

Ini menunjukkan peratus orang ramai yang mengambil tindakan terhadap surat peringatan ini adalah sebanyak **17.43%**. Perkara ini amat mendukacitakan pihak Kementerian kerana inisiatif yang diambil tidak dipandang serius dan penting oleh masyarakat dalam usaha mencegah daripada kejadian maut beg udara Takata ini berulang kembali.

Sehubungan itu, pihak industri automotif yang terlibat dikehendaki untuk mewujudkan **Pelan Komprehensif Recall Dan Stock Airbag**. Pengeluar perlu meningkatkan keupayaan *Service Centre* dan *stock readiness* untuk memudahkan pemilik kenderaan yang perlu menukar airbag. Status stok bekalan beg udara adalah seperti di lampiran.

Pihak industri juga dikehendaki untuk mewujudkan **Pelan Promosi Yang Lebih Effisien**. Syarikat pengeluar hendaklah memastikan bahawa komunikasi serta maklumat mengenai usaha ini sampai kepada kumpulan sasaran.

Sementara itu, JPJ akan meneruskan *Task Force* selama 2 bulan lagi dengan membuat pemantauan terhadap status *recall* dan kesediaan stok. Justeru, bagi melancarkan tindakan gerak kerja ini, Pengeluar dikehendaki menyediakan stok yang mencukupi dalam tempoh 2 bulan. Pihak HONDA pula bersetuju akan menghantar *final reminder* kepada pelanggannya dalam tempoh 2 minggu.

-TAMAT-

STATUS AIRBAG MENGIKUT STOK SEHINGGA 19 SEPT 2018

PENGELUAR	BIL. KENDERAAN BELUM SELESAI PENUKARAN	STOK AIRBAG SEDIADA	% STOK AIRBAG	BIL. AIRBAG DIPERLUKAN (INCOMING)	JANGKAAN STOK READY
BMW	5,755	1,338	23%	4,143	31 Oktober 2018
HONDA	71,413	83,463	100%	0	Ready
MAZDA	6,883	7,029	100%	0	Ready
MITSUBISHI	16,213	5,706	35%	10,737	Lancer – Stok Ready Lancer Miev – Stok Ready Pajero Exceed – Stok ready Triton - 31 December 2018 (Full stok)
NISSAN	132,417	55,199	42%	77,369	30 November 2018
SUBARU	236	233	100%	0	Ready
TOYOTA	104,781	51,780	51%	50,557	Nov 2018 (Vios NCP42 part will stabilize in Nov 18)
JUMLAH	337,698	204,748	60%	142,806	

STATUS AIRBAG MENGIKUT PENGELUAR KENDERAAN ANTARA 26 JUN 2018 – 19 SEPT 2018 (84 HARI)

PENGELUAR	BIL. KEND.	26 JUN 2018		19 SEPT 2018		Bil. Kend. Selesai Tukar Airbag dalam tempoh tersebut (B – A)	% Selesai Tukar*
		Bil. Kend. Selesai Tukar Airbag [A]	Bil. Kend. Belum Selesai Tukar Airbag	Bil. Kend. Selesai Tukar Airbag [B]	Bil. Kend. Belum Selesai Tukar Airbag		
BMW	6,530	243	6,287	775	5,755	532	8.46%
HONDA	332,206	241,283	90,923	260,793	71,413	19,510	21.45%
MAZDA	10,619	3,429	7,190	3,736	6,883	307	4.26%
MITSUBISHI	36,116	17,395	18,721	19,903	16,213	2,508	13.39%
NISSAN	177,483	34,359	143,124	45,066	132,417	10,707	7.48%
SUBARU	304	19	285	68	236	49	17.19%
TOYOTA	233,852	91,831	142,021	129,071	104,781	37,240	26.22%
JUMLAH	797,110	388,559	408,551	459,412	337,698	70,853	17.34%

Nota:

* Peratusan kenderaan yang selesai tukar airbag dalam tempoh 26 Jun 2018 sehingga 19 September 2018.